



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DRUG POLICY SUMMIT MALAYSIA 2025:

**PENILAIAN SEMULA DASAR BERHUBUNG DADAH:
AMBIL KIRA ASPEK KESIHATAN, MENGURANGKAN
KEMUDARATAN DAN HAK ASASI MANUSIA**

Kuala Lumpur, 4 November 2025 - Penganjuran 'Drug Policy Summit Malaysia 2025' kali ini menjadi **wadah penting** untuk **membincangkan pelbagai aspek dasar, rawatan dan pemulihan yang berasaskan bukti serta berpaksikan kesihatan awam**. Persidangan ini juga bertujuan **memperkukuh kefahaman dan kerjasama** antara pelbagai pihak ke arah **pelaksanaan pendekatan yang lebih inklusif dan berkesan** dalam menangani isu berkaitan dadah di Malaysia. Sidang kemuncak ini turut menjadi **gelanggang** dalam **membuka strategi** ke arah **penilaian semula dasar berhubung dengan dadah dengan mengambil kira aspek kesihatan awam, kaedah mengurangkan kemudaratkan di samping menjaga hak asasi manusia**.

Penyalahgunaan dan ketagihan dadah merupakan **cabaran kesihatan awam dan sosial yang kompleks**, yang **memerlukan pendekatan menyeluruh** serta **kolaboratif** antara sektor kesihatan, keselamatan, pendidikan dan masyarakat sivil. Usaha untuk **menangani isu ini tidak seharusnya tertumpu kepada aspek penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya** perlu memberi **penekanan** kepada **pencegahan, rawatan, pemulihan serta sokongan komuniti yang berterusan**. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil **inisiatif menubuhkan** sebuah **Jawatankuasa Kerja** yang membabitkan **pelbagai kementerian, agensi, badan profesional, kumpulan pakar serta badan bukan kerajaan (NGO)** berkaitan dadah bagi **memperhalusi dan meneliti aspek rawatan serta pemulihan ketagihan dadah** di Malaysia.

Berdasarkan data daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), prevalens jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan adalah seramai 192,857 orang pada tahun 2024. Majoriti daripadanya terdiri daripada golongan belia berusia antara 19 hingga 39 tahun, iaitu sebanyak 60.3% atau 116,245 orang. Amphetamine-Type Stimulants (ATS) merupakan kategori dadah tertinggi dengan 72.5%, diikuti oleh opiat sebanyak 20.6% dan kanabis sebanyak 3.7%.

Sidang kemuncak yang dianjurkan oleh **Drug Policy Program Malaysia (DPPM)** di bawah **naungan Yayasan AIDS Malaysia (MAF)** pada hari ini dirasmikan oleh YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan. Penganjuran sidang ini adalah dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil serta rakan antarabangsa. Program pada hari ini **menghimpunkan** lebih daripada **150 peserta**, termasuk **14 delegasi antarabangsa** yang terdiri daripada **pakar kesihatan awam, pegawai penguat kuasa undang-undang, pakar psikiatri dan ketagihan, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO), serta wakil pusat rawatan dan pemulihan berasaskan komuniti.**

KKM menyeru agar semua kementerian dan agensi kerajaan, badan profesional, kumpulan pakar dan NGO yang terlibat secara langsung dalam menangani isu rawatan dan pemulihan penagihan dadah, bersama seluruh lapisan masyarakat MADANI, agar terus memberikan sokongan dan kerjasama dalam usaha menangani isu rawatan dan pemulihan ketagihan dadah di Malaysia. Seruan ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam membina masyarakat yang lebih sihat, inklusif dan sejahtera, berteraskan sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan.*

- TAMAT -

Kementerian Kesihatan Malaysia

